

Warisan Naratif Lisan Terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Melalui Amalan Akal Budi
The Heritage of Oral Narratives in Shaping Adolescents' Morality Through the Practice of Wisdom

¹Mohd Firdaus Che Yaacob
firdaus.cy@umk.edu.my

²Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan
sitinurulsuhadahadnan@gmail.com

^{1, 2} Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan

Tuan Rusmawati Raja Hassan
rusmawati.rh@umk.edu.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan,
Universiti Malaysia Kelantan

Received: 12 April 2024; Published: 30 June 2024

Cite this article (APA) as:

Che Yaacob, M. F., Tuan Adnan, T. S. N. S., & Raja Hassan, T. R. (2024). Warisan Naratif Lisan Terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Melalui Amalan Akal Budi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(1), 30 - 39. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/184>

ABSTRAK

Naratif lisan merupakan bentuk penyampaian yang disampaikan oleh nenek moyang masyarakat Melayu untuk memberi nasihat kepada anak-anak muda. Namun begitu, kepesatan teknologi kian berkembang membuatkan naratif lisan kurang didedahkan kepada golongan muda. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan bagi membentuk akhlak remaja. Kajian ini telah membataskan skop kajian terhadap dua cerita rakyat iaitu, *Pembunuhan Raja Abdullah* dan *Bukit Marak Bukit Keramat*. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat sebagai deduktif kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Hasil kajian ini mendapati terdapat akal budi dalam naratif lisan yang bertujuan mendidik keperibadian golongan remaja ke arah yang lebih positif.

Kata Kunci: Naratif Lisan; Akhlak; Akal Budi; Remaja; Pendekatan Firasat

ABSTRACT

Oral narratives are a form of storytelling used by the ancestors of the Malay community to provide advice to the younger generation. However, the rapid development of technology has led to oral narratives being less exposed to young people. Therefore, this study was conducted to identify and analyze the wisdom contained in oral narratives to shape the character of adolescents. This study focused on two folktales, namely, 'Pembunuhan Raja Abdullah' and 'Bukit Marak Bukit Keramat'. The study employed the Malay Methodological Theory through the Intuition Approach as a deductive study. This research used qualitative methods, including library research and field methods. The findings of this study reveal that there is wisdom in oral narratives intended to educate the character of adolescents in a more positive direction.

Keywords: Oral Narrative; Morality; Wisdom; Adolescents; Intuition Approach

PENGENALAN

Naratif lisan merupakan sebuah penyampaian yang disampaikan dari satu generasi secara turun-temurun menerusi percakapan lisan. Naratif lisan dikemukakan dalam bentuk sebuah cerita yang dikarang oleh seorang penglipur lara dalam kalangan masyarakat setempat. Penglipur lara akan mengubal sesebuah cerita rakyat dengan memasukkan intipati berbentuk pengajaran dan nasihat bagi mendidik masyarakat Melayu (Noormaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi, 2017). Nasihat dan pengajaran yang disampaikan adalah sesuatu yang seharusnya diamalkan oleh masyarakat setempat. Hal ini bagi tujuan menjaga adat pergaulan sesama masyarakatnya. Oleh itu, naratif lisan mampu mengeratkan perhubungan sesama masyarakat Melayu disamping memperkukuhkan perpaduan dan semangat kekitaan.

Pendapat tersebut telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa naratif yang baik adalah apabila seorang penglipur lara mampu menggabungkan idea yang kreatif dan memiliki sensitiviti terhadap masyarakat setempat. Hal ini wujud akibat daripada suatu pemikiran yang kreatif dan semangat penglipur lara bagi menyemarakkan perasaan masyarakat setempat demi membangunkan kebudayaan yang dimiliki oleh komunitinya. Natiujahnya, pemikiran secara tersurat dan tersirat yang disampaikan melalui naratif lisan mampu dibentuk menerusi pemahaman pendengarnya.

Di samping itu, akal budi disifatkan sebagai pemikiran, tingkah laku serta ekspresi yang positif oleh seseorang individu (Junaini Kasdan, 2020). Akal budi merupakan keseimbangan pemikiran oleh seseorang individu sebelum mengambil apa-apa langkah dalam setiap tindakannya. Hal ini bersangkut-paut dengan kebijaksanaan yang dilakukan oleh seseorang melalui tindakan mahupun percakapan. Akal budi ialah sesuatu hal yang penting dalam membentuk akhlak seseorang manusia. Oleh itu, akal budi yang diterapkan dalam naratif lisan amat penting kepada remaja sebagai aras pembentuk akhlak yang mulia.

Intiujannya, naratif lisan dilihat sebagai satu bentuk disiplin pemikiran masyarakat Melayu tradisional untuk mendidik keperibadian golongan muda ke arah yang lebih baik. Melalui penerapan akal budi dalam naratif lisan sememangnya banyak membantu hubungan yang terbina dalam sesebuah komuniti. Hal ini menyebabkan naratif lisan mampu diangkat sebagai khazanah yang perlu dipulihara dan diwarisi oleh generasi muda. Akhirnya, naratif lisan mampu membentuk akhlak remaja menerusi inti pati akal budi yang terkandung di dalamnya selain menjadi khazanah negara yang masyhur.

SOROTAN KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas demi melihat kelompongan kajian sebelum ini. Pertama, kajian lepas yang bertajuk *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016). Kajian ini memperlihatkan corak kehidupan manusia yang diterapkan dalam watak binatang dalam sesebuah cerita rakyat. Oleh itu, kajian dilakukan bagi tujuan mengenal pasti dan menganalisis corak kebudayaan yang dimiliki masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan sebagai langkah untuk mendapatkan analisis yang mampan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa aspek kebudayaan masih meliputi kehidupan masyarakat Melayu pada masa kini menerusi penelitian terhadap cerita rakyat.

Seterusnya, kajian lepas yang bertajuk *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* oleh Mohd Fahmi Ismail (2017). Kehidupan masyarakat orang asli Temiar amat menitikberatkan mengenai kepercayaan yang diwarisi sejak turun-temurun. Oleh itu, Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai budaya yang dimiliki oleh masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang menerusi cerita rakyat. Kajian ini membataskan untuk meneliti nilai budaya yang terkandung dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan maklumat secara terperinci. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa

terdapat nilai budaya yang dimiliki dalam cerita rakyat masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang sebagai kepercayaan yang utuh dimiliki oleh komuniti tersebut.

Sementara itu, kajian lepas yang bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Kajian ini memaparkan cerita rakyat sebagai kebudayaan yang dipegang teguh oleh bangsa Melayu dalam membina ketamadunan yang unggul. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan membincangkan mengenai cerminan moral positif menerusi cerita rakyat Melayu. Kajian membataskan untuk meneliti cerminan moral dalam buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan maklumat yang jelas. Kajian ini turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai pemangkin kepada kajian ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa cerminan moral mampu meningkatkan integriti negara menerusi sahsiah mulia yang diterapkan dalam cerita rakyat Melayu.

Selain itu, kajian lepas yang bertajuk *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif* oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018). Kajian ini memperihalkan mengenai cerita rakyat dalam konteks jenaka mampu memberi pengajaran tersendiri kepada pendengarnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan mengenai manifestasi watak dan pewatakan positif menerusi cerita jenaka Melayu. Kajian ini membataskan untuk meneliti tiga buah cerita iaitu, *Awang Lurus, Pak Pandir, Pak Kaduk* dan *Si Luncai* bagi mengetahui watak dan pewatakan positif dalam cerita rakyat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan analisis kajian. Kajian ini juga menggunakan pendekatan Psikologi Humanistik sebagai deduktif kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa cerita jenaka Melayu memiliki watak dan pewatakan yang positif bagi membentuk jati diri masyarakat Melayu.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019). Kajian ini memperlihatkan mengenai kisah dogeng yang menjadi pegangan utuh untuk sesebuah bangsa. Kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti dan membincangkan mengenai penerapan adab kepimpinan melalui *Kisah Sang Kancil dan Memerang* dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini membataskan untuk meneliti adab kepimpinan dalam *Kisah Sang Kancil dan Memerang*. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu, kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan hasil yang mampan. Hasil dapatan mendapati cerita rakyat yang dipaparkan ini memiliki adab kepimpinan menerusi pengolahan watak-wataknya.

Sebagai penutup, kesusasteraan Melayu mempunyai satu bentuk dimensi yang berpanjangan mampu menarik para pengkaji untuk lebih mendekatinya. Namun begitu, masih terdapat kelompongan yang berlaku dalam kajian-kajian lepas khususnya terhadap akal budi menerusi naratif lisan Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk memartabatkan semula akal budi yang ada dalam naratif lisan. Akibatnya, akal budi mampu disemai dalam kalangan remaja bagi membentuk sahsiah yang lebih baik dari semasa ke semasa.

PENYATAAN MASALAH

Melalui sorotan kajian di atas, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompongan yang berlaku. Antara kajian lepas yang diteliti ialah *Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka* oleh Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven (2016), *Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* oleh Mohd Fahmi Ismail (2017), *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017), *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif* oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy (2018) dan *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak* oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2019).

Melalui kajian lepas, pengkaji melihat terdapat kelompongan dalam pengkajian terdahulu. Hal ini dikatakan demikian apabila pengkaji melihat kebanyakan sarjana menekankan aspek kepimpinan,

pewatakan, nilai moral dan nilai-nilai Islam berbanding akal budi dalam naratif lisan. Hal ini telah membuatkan elemen akal budi yang ada dalam naratif lisan kian dipinggirkan oleh para sarjana. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengembalikan akal budi yang ada dalam naratif lisan kepada masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana pengkaji percaya melalui penerapan akal budi, pembentukan akhlak remaja mampu diperbaiki dari semasa ke semasa. Justeru itu, penerapan akal budi mampu membendung masalah sosial yang berlaku di negara ini selain mengekalkan warisan Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Pada bahagian metodologi, pengkaji mengemukakan kaedah kualitatif sebagai kaedah yang fleksibel bagi memperoleh maklumat secara terperinci. Kaedah kualitatif terbahagi kepada dua iaitu, kepustakaan dan lapangan. Kaedah kepustakaan ialah kaedah yang meliputi bacaan buku-buku, jurnal-jurnal dan kamus bagi mendapatkan penjelasan secara menyeluruh akan sesuatu kajian. Bahan-bahan ini dirujuk dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan. Seterusnya, kajian ini juga melaksanakan kaedah lapangan bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci. Sementara itu, pengkaji juga mempraktikkan kerangka *folklore* oleh Dundes (1965) yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu, pengenpastian, pengumpulan data dan menganalisis data. Pada peringkat pengenpastian, pengkaji telah menemui penghulu mukim bagi mendapatkan maklumat penglipur lara. Oleh sebab itu, pengkaji diberi cadangan oleh penghulu mukim untuk menemui Encik Muhd Rawi Jusoh dan Encik Abdul Rahman sebagai penglipur lara di daerah Bachok, Kelantan. Peringkat pertama ini merupakan peringkat penting kepada pengkaji bagi menyelidiki latar belakang penglipur lara bagi menjamin kualiti data yang diperolehi.

Seterusnya, pengkaji turut melaksanakan peringkat pengumpulan data. Pada peringkat ini, pengkaji mampu mendapatkan kerjasama penglipur lara secara wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah berbincang dengan penglipur lara mengenai tarikh dan masa yang bersesuaian untuk melaksanakan proses temu bual dan rakaman. Hal ini menyebabkan proses rakaman dan temu bual dapat dijalankan secara bersistematik dan terancang kerana pengkaji telah menjalinkan satu hubungan kerjasama yang baik dengan penglipur lara. Dengan itu, pengkaji telah memperolehi naratif lisan di Kampung Rusa, Bachok menerusi Encik Muhd Rawi Jusoh. Pengumpulan data ini dijalankan pada tarikh 5 Mac 2020 tepat jam 9.30 pagi selama satu jam setengah. Proses temu bual ini dijalankan seramai lima orang pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang terperinci. Oleh itu, pengkaji mampu menyelaraskan naratif lisan yang berkualiti untuk meneruskan pengkajian ini.

Selain itu, pada peringkat menganalisis maklumat. Pengkaji telah menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Bachok, Kelantan. Akal budi yang diperolehi dalam naratif lisan di Bachok, Kelantan akan dianalisis secara terperinci serta memperlihatkan sokongan pendapat berdasarkan para sarjana mengenai naratif lisan Melayu. Maka, kajian ini turut menjelaskan mengenai Teori Pengkaedahan Melayu iaitu melalui pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Penggunaan teori ini melalui pendekatan firasat mampu untuk menjelaskan sudut pandangan akal budi menerusi naratif lisan di Bachok, Kelantan. Antara naratif lisan yang telah dipilih oleh pengkaji adalah *Pembunuhan Raja Abdullah* dan *Bukit Marak Bukit Keramat*. Justeru itu, aspek metodologi penting bagi mendapatkan maklumat yang sahih serta tepat berlandaskan objektif kajian ini. Oleh itu, melalui langkah-langkah yang digariskan ini mampu untuk menonjolkan akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Bachok, Kelantan bagi menerajui bidang pendidikan negara serta mengekalkan warisan yang menjadi kebudayaan masyarakat Melayu.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Pengkaji turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu dalam kajian ini. Teori pengkaedahan Melayu dipilih kerana sinonim dengan pemikiran dan sikap yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu ini telah digagaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dilihat cenderung kepada gaya kehidupan manusia yang merangkumi perilaku kehidupan dan kepercayaan dalam masyarakat Melayu yang melahirkan prinsip tersendiri. A. Halim Ali (2015, 2018) menyebutkan, Hashim Awang turut kembali ke dasar masyarakat dengan menyingkap aspek keindahan,

kehalusan, ketinggian daya cipta masyarakat Melayu yang sangat tinggi kekreatifannya dalam menghasilkan sesuatu hasil seni. Maka, teori ini memperlihatkan idea yang kreatif dan pemikiran pengarangnya. Kajian ini mengambil intipati pendekatan firasat yang memperlihatkan perkembangan kebudayaan masyarakat Melayu. pendekatan firasat memperlihatkan bentuk kesusasteraan sebagai sesuatu kejadian alam semesta dengan pengalaman hidup seseorang manusia. Walau bagaimanapun, pengalaman hidup yang dinyatakan lebih ke arah pengalaman pencipta sesuatu karya yang penuh dengan daya misteri. Namun begitu, mimpi yang dilakukan itu secara sedar dan didasari kepada matlamat dan wawasan yang khusus. Pendekatan firasat ini sering dikaitkan dengan mimpi, iaitu suatu pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk menentukan pengertian atau pencarian makna mimpi, dikenali sebagai ta'abir, iaitu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu (Hashim Awang, 2002). Justeru, pendekatan firasat menggunakan pengalaman yang menjadi erti dalam kehidupan sebagai intipati pembelajaran bagi menyampaikan ilmu.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian dapatan, kajian ini akan menganalisis berkenaan dengan akal budi dalam naratif lisan di Bachok, Kelantan. Antara akal budi yang ingin dianalisis adalah tindakan rasional, tindakan dedikasi, tindakan daya usaha dan tindakan toleransi.

Akal budi didefinisikan sebagai tingkah laku seorang manusia yang mampu menggunakan akal fikirannya dengan waras (Roslina Abu Bakar dan Aone Van Engelenhoven, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang manusia mampu bertindak selepas membuat suatu pertimbangan secara rasional. Hal ini mengakibatkan sesuatu keputusan yang diambil oleh seorang manusia adalah melalui satu pertimbangan yang wajar. Kesannya, setiap tindakan yang diambil melalui pertimbangan rasional mampu menghasilkan impak positif kepada pengamalannya. Abdul Halim Ali (2009) pula menyebutkan akal budi mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendokong kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan. Perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang ini diterjemahkan dalam pelbagai rupa, namun yang paling lazim ialah dalam bentuk penghasilan karya seni, khususnya dalam bentuk seni tampak dan seni sastera

Akal Budi Melalui Tindakan Rasional

Rasional didefinisikan sebagai satu bentuk pemikiran yang wajar dilakukan oleh seseorang individu (Noormaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi, 2017). Hal ini terjadi demikian kerana kebijaksanaan manusia yang bersifat kolektif dilontarkan menggunakan pemikiran yang waras dan teratur. Hal ini menyebabkan setiap tingkah laku dan tutur kata akan diatur serta disusun tanpa menyakitkan hati mana-mana anggota komuniti. Akibatnya, sifat rasional ini mampu menampilkan aras kebijaksanaan seseorang manusia dalam kalangan masyarakat. Tindakan rasional mampu dilihat dalam naratif lisan yang bertajuk *Pembunuhan Raja Abdullah*. Tindakan tersebut mampu diperjelaskan dalam petikan di bawah:

Demi kerana keselamatan rakyat, Puteri Saadong telah mengorbankan dirinya untuk mengikuti Raja Siam pada ketika itu. Puteri Saadong tidak mahu rakyatnya menderita akibat peperangan antara Negeri Kilatan dengan Negeri Bangkok kerana mahu mempertahankannya. Raja Loyor ingin menyelamatkan anaknya lalu telah mengaturkan pertunangan antara Raja Abdullah dengan Puteri Saadong.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan di atas, tindakan rasional mampu diperjelaskan menerusi watak Puteri Saadong. Hal ini dikatakan demikian kerana watak tersebut sanggup mengorbankan dirinya demi tidak ingin melihat rakyat jelata menderita. Hal ini mengakibatkan Puteri Saadong bersedia menurut permintaan Raja Siam ketika itu walaupun baginda mengetahui risiko bahaya yang akan dihadapinya. Namun demi keselamatan rakyat, baginda mengambil risiko tersebut dengan membahayakan dirinya. Justeru kerana

baginda tidak ingin melihat nyawa rakyat jelata yang tidak bersalah terkorban demi mempertahankannya.

Puteri Saadong tidak mahu rakyatnya menderita akibat peperangan antara Negeri Kilatan dengan Negeri Bangkok kerana mahu mempertahankannya. Raja Loyor ingin menyelamatkan anaknya lalu telah mengaturkan pertunangan antara Raja Abdullah dengan Puteri Saadong. Maka, bertunanglah Puteri Saadong dengan Raja Abdullah sebelum berangkat ke Bangkok mengikuti Raja Siam.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan ini, tindakan rasional juga mampu dilihat pada watak Raja Loyor. Raja Loyor dilihat rasional apabila mengambil keputusan mengatur pertunangan Puteri Saadong dengan Raja Abdullah. Hal ini digambarkan sedemikian kerana masyarakat Melayu amat mementingkan perhubungan yang terjalin. Lalu, watak ini dianggap berusaha untuk mengelakkan Puteri Saadong daripada mengalami kesulitan apabila berhadapan dengan Raja Siam. Langkah ini dilihat sebagai kebijaksanaan seorang ayah bagi melindungi puterinya yang tercinta. Tindakan rasional juga mampu dilihat dalam naratif lisan yang berjudul *Bukit Marak Bukit Keramat*. Sifat ini diperjelaskan secara terperinci dalam petikan di bawah:

“Andak...Damak..jangan kerana ini kita berempat putus sahabat. Beginilah teman-teman, kita akan pergi ke Bukit Marak itu pada esok hari tetapi kita mesti menjaga pantang larang yang ditegah oleh orang kampung. Lebih baik kita berwaspada daripada menyesal kemudian hari. Bagaimana semua? Setujukah?” kata Anjang meminta persetujuan teman-temannya.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan rasional mampu dilihat pada watak Anjang. Watak ini dilihat sebagai watak yang tenang dalam mengendalikan masalah rakan-rakannya. Hal ini dibuktikan apabila watak Andak dan Damak bergaduh, Anjang meleraikan perkelahian tersebut dengan menyetujui cadangan Andak yang ingin ke Bukit Marak mencari herba. Watak Anjang juga dilihat memberi penyelesaian kepada ketakutan Damak akan misteri yang menyelubungi Bukit Marak itu dengan menjaga tutur kata dan pantang-larang ketika di bukit itu. Kesannya, watak Anjang mampu berfikir secara rasional dalam menghadapi perkelahian rakan-rakannya yang tidak ingin mengalah antara satu sama lain.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan firasat ini dilihat bergantung kepada sesuatu pengalaman yang dialami watak-watak naratif lisan. Hal ini mempengaruhi sesuatu bentuk keputusan yang dilakukan dalam kehidupan mereka. Walaupun keputusan itu masih belum dikenalpasti sebagai langkah yang terbaik namun mereka mempertaruhkan kehidupan mereka atas keputusan yang dilakukan itu. Sekiranya langkah itu memberi impak positif maka kehidupan mereka akan menjadi lebih baik. Kesannya, manusia memiliki kepercayaan tersendiri dalam menentukan hala tuju kehidupan mereka.

Akal Budi Melalui Tindakan Dedikasi

Menurut oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menyatakan bahawa dedikasi ialah sifat yang mengabdikan diri kepada sesuatu perlembagaan mahupun organisasi. Hal ini wujud akibat daripada tindakan seseorang individu yang mengabdikan dirinya kepada perlembagaan atas dasar tanggungjawab yang mendalam terhadapnya. Oleh itu, individu tersebut akan berusaha menyempurnakan kerja tersebut sehingga selesai. Dengan berbuat demikian, sikap ini mampu melahirkan individu-individu yang berintergriti kepada sesebuah negara. Tindakan dedikasi mampu dilihat melalui naratif lisan yang bertajuk *Pembunuhan Raja Abdullah*. Sikap ini mampu diperihalkan secara jelas seperti dalam petikan di bawah:

Cik Siti Jawa Giling telah mengambil cucuk sanggol di kepala Puteri Saadong lalu dituang air penawar untuk mengembalikan Puteri Saadong kepada asalnya. Hal ini kerana ibu Puteri Saadong telah meminta jika berlaku apa-apa terhadap anakdanya maka ambillah cucuk sanggul itu dan tuanglah kepada anaknya maka Puteri Saadong akan terselamat.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan dedikasi mampu dilihat kepada watak Cik Siti Jawa Giling. Watak Cik Siti Jawa Giling dilihat sangat berdedikasi menunaikan amanah ibu Puteri Saadong bagi menyelamatkan nyawa puteri tersebut. Hal ini dibuktikan menerusi tindakan watak tersebut yang menuang air penawar bagi mengembalikan Puteri Saadong kepada bentuk asalnya. Tindakan itu telah berjaya menyelamatkan Puteri Saadong yang ketika itu telah dipenggal kepalanya oleh Raja Abdullah.

Tindakan dedikasi mampu diperincikan dalam naratif lisan *Bukit Marak Bukit Keramat*. Sikap ini mampu diterangkan dalam petikan di bawah:

Keesokan harinya, mereka berkumpul di wakaf yang sama seperti mana telah dijanjikan. Mereka membawa sedikit bekalan makanan untuk dinikmati ketika lapar nanti. Mereka berempat berlalu dan mendaki Bukit Marak.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Tindakan dedikasi mampu diperlihatkan oleh watak empat sekawan. Empat sekawan ini dilihat telah berjanji untuk sama-sama mendaki Bukit Marak yang diketahui oleh masyarakat kampung sebagai berpenunggu. Namun kerana tekad dan semangat setia kawan, mereka telah berkumpul di satu wakaf. Mereka telah sama-sama mendaki bukit tersebut demi mencari herba yang jarang-jarang ditemui di kawasan lain. Hal ini memperlihatkan watak-watak yang menepati janji lalu sanggup menghadapi risiko secara bersama-sama.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan firasat memperlihatkan situasi kehidupan dan perhubungan yang dibina oleh watak-watak naratif lisan. Melalui kehidupan yang mencabar telah memaksa watak-watak ini berusaha semaksimum mungkin bagi melaksanakan tanggungjawab serta amanah yang dipikul. Hal ini menyebabkan kehidupan bermasyarakat lebih akrab dan saling berkerjasama dalam menghadapi sebarang rintangan. Akhirnya, kehidupan yang lebih baik mampu dijalani oleh watak-watak tersebut kerana tanggungjawab telah mengajar mereka untuk lebih berbakti kepada masyarakat dan bangsa.

Akal Budi Melalui Tindakan Daya Usaha

Daya usaha disifatkan sebagai perilaku yang bersungguh-sungguh dalam mendapatkan sesuatu perkara (Junaini Kasdan, 2020). Hal ini tercetus apabila seseorang individu giat mengusahakan sesuatu yang diinginkan dalam kehidupannya. Maka, matlamat yang jelas perlu dipenuhi menggunakan kudrat mahupun pemikiran yang bijaksana. Dengan keadaan sedemikian, manusia akan lebih dominan dalam mengusahakan sesuatu perkara sehingga memberi impak yang positif kepada ekonomi dan sistem sosial negara. Tindakan daya usaha dapat dilihat dalam naratif lisan yang bertajuk *Pembunuhan Raja Abdullah*. Tindakan tersebut diperincikan secara jelas seperti petikan di bawah:

Tindakan menyentuh tangan Puteri Saadong telah membawa bencana kepada Raja Siam apabila baginda dikatakan telah mengalami penyakit kulit misteri sebaik sahaja menyentuh tangan Puteri Saadong. Ketujuh pawang Raja Siam tidak mampu mengubati penyakit misteri baginda itu. Lalu, Pawang ketujuh meminta agar Raja Siam memulangkan kembali Puteri Saadong ke negeri asalnya kerana bimbang penyakit baginda akan bertambah teruk.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan di atas, tindakan daya usaha mampu dilihat pada watak Pawang Tujuh Raja Siam. Watak ini dilihat memiliki daya usaha yang tinggi apabila enam pawang telah gagal untuk mengubati penyakit misteri yang dialami oleh Raja Siam. Oleh kerana penyakit itu berpunca daripada sikap Raja Siam yang tidak senonoh terhadap Puteri Saadong lalu watak tersebut telah meminta agar puteri itu dikembalikan ke negerinya. Walaupun permintaan itu sukar dilakukan oleh Raja Siam namun kerana tidak tahan dengan penyakit yang dialaminya itu lalu diutuskan Puteri Saadong kembali ke negerinya. Sikap daya usaha pawang ketujuh membuahkan hasil apabila penyakit Raja Siam kembali membaik seperti sedia kala. Tindakan daya usaha dapat diperjelaskan dalam naratif lisan yang berjudul *Bukit Marak Bukit Keramat*. Tindakan tersebut diperjelaskan seperti petikan di bawah:

Tersebutlah satu cerita yang mengisahkan tentang sebuah negeri diberi nama Negeri Kilatan. Negeri itu kini dikenali sebagai Negeri Kelantan. Adapun kisah ini menceritakan tentang satu bukit yang dikenali oleh penduduk setempat sebagai Bukit Marak. Bukit Marak ini dikatakan mempunyai pelbagai misteri yang menyelubungi bukit itu. Kisah ini bermula apabila empat sekawan yang merupakan penduduk setempat telah berhasrat untuk mencari herba-herba untuk dijual di pekan. Mereka dikenali sebagai Yusof, Andak, Damak, dan Anjang. Oleh itu, mereka ingin mencari herba di Bukit Marak kerana banyak herba yang jarang ditemui ada di sana.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan daya usaha mampu dilihat pada watak Yusof, Damak, Andak dan Anjang. Watak-watak ini dilihat berusaha secara maksimum bagi kelanjutan hidup mereka sebagai pemungut hasil herba hutan. Hasil herba yang dikumpulkan telah mampu menyara kehidupan mereka sehari-hari. Oleh kerana itu, mereka berusaha mendapatkan herba-herba yang jarang-jarang ditemui di Bukit Marak biarpun mengetahui bahaya menanti mereka. Hal ini jelas memperlihatkan daya usaha yang gigih untuk mendapatkan herba di Bukit Marak.

Di kampung, Tok Ketua Tam mengadakan mesyuarat tergepar kerana ibu bapa empat sahabat itu memaklumkan padanya bahawa anaknya tidak pulang ke rumah setelah ke Bukit Marak. Mereka bimbang dengan keadaan anak-anak mereka di sana. Orang kampung memaklumkan kepada Bomoh Lat untuk sama-sama menjejaki mereka di Bukit Marak pada malam itu juga.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan ini, tindakan daya usaha mampu dilihat pada watak Tok Ketua Tam. Tok Ketua Tam dilihat bersungguh-sungguh meminta pertolongan masyarakat kampung dengan melakukan mesyuarat tergepar. Hal ini bagi memaklumkan kepada masyarakat kampung akan kehilangan empat sekawan itu. Melalui makluman itu, masyarakat kampung berusaha mencari empat sekawan itu di Bukit Marak yang dikatakan telah disorokkan oleh penunggu. Usaha mereka membuahkan hasil apabila masyarakat menemui empat sekawan itu di puncak Bukit Marak.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan firasat memperlihatkan pengalaman hidup masyarakat setempat mampu membentuk satu nilai moral yang positif agar tidak mengganggu kesejahteraan komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana pemikiran yang kreatif mencetuskan kepelbagaian penyelesaian masalah. Melalui sikap daya usaha yang diterapkan, setiap masalah yang datang mampu diselesaikan dengan langkah paling terbaik. Maka, perbincangan sesama ahli anggota masyarakat amat penting bagi merungkai permasalahan yang terjadi.

Akal Budi Melalui Tindakan Toleransi

Tindakan toleransi ialah sifat individu yang bersedia berlapang dada apabila menghadapi masalah yang rumit (Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy, 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana keluhuran hati seseorang individu yang bersiap untuk

memaafkan kesilapan orang lain menerusi tindakan bertolak-ansur. Sikap tolak-ansur mampu membawa barakah kepada masyarakat yang menagamalkannya. Natijahnya, keharmonian dalam kalangan masyarakat mampu dicetuskan lantas memberi kebahagiaan kepada setiap ahli komunitinya. Tindakan toleransi dapat dilihat dalam naratif lisan yang bertajuk *Pembunuhan Raja Abdullah*. Tindakan tersebut diperincikan secara jelas seperti petikan di bawah:

Tindakan menyentuh tangan Puteri Saadong telah membawa bencana kepada Raja Siam apabila baginda dikatakan telah mengalami penyakit kulit misteri sebaik sahaja menyentuh tangan Puteri Saadong. Ketujuh pawang Raja Siam tidak mampu mengubati penyakit misteri baginda itu. Lalu, Pawang ketujuh meminta agar Raja Siam memulangkan kembali Puteri Saadong ke negeri asalnya kerana bimbang penyakit baginda akan bertambah teruk. Lalu, Raja Siam mengutuskan hulubalang Ta bar untuk mengiringi Puteri Saadong pulang ke Negeri Kilatan.

(Muhd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, tindakan toleransi mampu diperincikan menerusi watak Raja Siam. Raja Siam ini dikatakan bersifat toleransi apabila telah ditimpa penyakit misteri. Hal ini terjadi apabila Raja Siam menyentuh tangan Puteri Saadong tunang kepada Raja Abdullah. Akibat tidak tahan dengan penyakit yang dialaminya lalu Raja Siam mengutuskan Puteri Saadong kembali ke negeri Kilatan. Tindakan tersebut memperlihatkan sikap toleransi Raja Siam bagi menyembuhkan penyakitnya itu.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan firasat oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan firasat berkisarkan pengalaman hidup watak naratif lisan yang mampu bertolak-ansur demi manfaat secara bersama-sama. Watak di atas tidak mengetahui kesan atas perbuatan yang dilakukan namun tetap dilaksanakan bagi mengurangkan beban yang dialaminya. Keyakinan serta sokongan padu masyarakat setempat telah membuatkan watak bertolak-ansur demi kebaikan diri sendiri. Kesannya, masyarakat lebih harmoni dan bertolak-ansur dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati terdapat akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Bachok, Kelantan. Menurut Noormaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi (2017) akal budi merupakan sesuatu rangkuman yang memperlihatkan kehebatan dan kearifan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, akal budi mencerminkan keperibadian serta ketamadunan yang tinggi diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Justeru itu, akal budi yang terkandung dalam naratif lisan seharusnya diwarisi oleh remaja pada masa kini bagi memperlihatkan nilai peradaban masyarakat Melayu itu sendiri.

RUMUSAN

Intihannya, kajian ini menekankan aspek akal budi yang terkandung dalam naratif lisan kerana intipati berbentuk nasihat mampu dipraktikkan oleh golongan remaja. Hal ini berlaku demikian kerana akal budi saling berkait rapat dengan naratif lisan yang memaparkan kehidupan masyarakat silam yang berusaha mendidik anak-anak muda untuk menjaga perilaku dalam pergaulan sesama anggota masyarakatnya. Selain itu, didikan yang diterapkan dalam naratif lisan Melayu ini mampu memupuk jati diri golongan remaja ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana naratif lisan mampu melahirkan bentuk kepimpinan yang berketerampilan dalam diri golongan remaja. Oleh itu, akal budi yang terkandung dalam naratif lisan ini seharusnya dikekalkan dan dimartabatkan semula oleh generasi muda pada hari ini.

PENGHARGAAN

Makalah/artikal ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera: Malaysia dan Barat*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali (2015) *Wacana Teori dan Kritikan Sastera*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- Abdul Halim Ali (2009) Akal Budi dalam Sajak-sajak Dharmawijaya, *Jurnal e-UTAMA*. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, Vol.2, 69-80
- Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Riviera Bay Resort*, 20-23 Jun.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu. *International Journal of The Malay World and Civilisation*. 8(1), 3-16.
- Mohd Fahmi Ismail. (2017). Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. *Thesis Ijazah Sarjana Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018) Gambaran Nilai Murni dalam Seuntai Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Suatu Pengaplikasian Konsep Rohani. *Journal of Business and Social Development*. 6(2), 1-10.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *Internasional Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 35-44.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad Effendy. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Pewatakan Positif. *Jurnal Kesidang*. 1(1), 296-329.
- Noormaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Desimination of Value through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. January, 16(1), 32-36.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven. (2016). Alam dan Budaya Masyarakat Melayu dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*. 1 (2), 20-49.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*. 4(1), 77-89.